



PENGERUSI Jawatankuasa Pelaksana Ihtifal IPT ASEAN 2015, Nasrul Hakim Ahmad (kiri) bersama urus setia menunjukkan poster rasmi program yang berlangsung selama lima hari bermula hari ini.

USIM sambut 1,200 mahasiswa serantau sempena Ihtifal IPT ASEAN

SEREMBAN 19 Ogos - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal menyambut dan merayakan 1,200 mahasiswa dari beberapa universiti di rantau ini di kampus induknya di Nilai dekat sini sempena penganjuran Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015.

Menurut pegawai Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd. Zaini Othman, acara itu berlangsung selama lima hari mulai esok dengan penglibatan negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Katanya, penganjuran program secara dwitahunan itu memasuki edisi keempat sejak mula dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

"Sebanyak tiga pertandingan utama dilangsungkan iaitu Tilawah Al-Quran, Debat Bahasa Arab dan Nasyid dengan hadiah utama berbentuk wang tunai.

"Selain itu, turut dianjurkan serentak bersama ihtifal ini ada-

lah Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa yang diuruskan oleh Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM) USIM dan Majlis Perwakilan Pelajar USIM," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, program yang bertemakan *Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli* akan memfokuskan isu, cabaran dan realiti semasa umat Islam pada hari ini seperti di Syria, Palestin dan Rohingya agar selari dengan agama Islam sebagai Rahmatan Lilalamin.

Jelasnya, beberapa tokoh ilmuwan dan intelektual Islam dalam dan luar negara akan terlibat dalam konvensyen itu antaranya Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri; mantan penyanggand Kursi Kepemimpinan Islam USIM, Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Ghani; pengasas Pesantren Moden Gontor Ponorogo, Dr. Hamid Fahmy Zarkasyi dan satu-satunya pelajar Malaysia di Universiti Gaza, Muhammad Nadir Al Nuri Kamaruzzaman.

Beliau menarik perhatian, lebih

23 universiti serantau menghantar penyertaan antaranya dari Malaysia adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

"Dari Indonesia seperti Universiti Islam Negeri (UIN) Walisongo, UIN Syarif Hidayatullah, UIN Sultan Syarif Kassim Riau, Universitas Muhammadiyah, Universitas Islam Nusantara manakala Brunei adalah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan," ujarnya.

Mohd. Zaini berkata, penganjurannya kali ini juga amat istimewa kerana diadakan sempena Sambutan 15 Tahun USIM.

Tambahnya, objektif utamanya adalah menonjolkan bakat mahasiswa Islam serantau dalam kesenian Islam, pengucapan awam dan kepimpinan yang diharap dapat melahirkan generasi belia Islam yang berperanan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.